

SPKAL

menang

tipis ke atas

SSIL 5-4

Sullivan

LABUAN : Pasukan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menang tipis 5-4 ke atas Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dalam perlawanan bola sepak persahabatan di Padang Kampung Layang-Layangan, malam kelmarin.

Hujan lebat pada separuh masa kedua tidak menjejaskan rentak permainan kedua-dua pasukan yang bermain dengan penuh semangat kesukanan sebaik sepak bermula pada pukul 8.00 malam.

Kehadiran Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Penolong Pendaftar Kanan SSIL, Norhanizah Adnan menyemarakkan lagi semangat pemain SSIL untuk mencabar SPKAL.

Dr Ag Asri berkata perlawanan itu diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan antara pensyarah dan kakitangan sokongan SSIL dan SPKAL selain untuk merehatkan minda pemain selepas penat bekerja seharian.